DBKL tunda 658 kenderaan buruk, tersadai

KUALA LUMPUR – Sebanyak 658 buah kenderaan buruk dan tersadai di sekitar ibu negara telah ditunda oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bermula Januari 2025 sehingga kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa berkata, sebanyak 2,113 lagi kenderaan ditunda bagi kesalahan lalu lintas.

"Kawasan terlibat ialah Masjid India, Chow Kit, Bukit Bintang dan Brickfields melibatkan 62 anggota warden trafik serta lapan kren tunda," katanya bagi menjawab soalan Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) di Dewan Rakyat semalam.

Zaliha berkata, DBKL komited menangani isu kesesakan lalu lintas dengan menempatkan warden trafik serta kren tunda.